

## E-BULETIN

# EL-WAZIF

## MENARIK ISUINI

PERASMIAN WADI OLEH NAIB CANSELOR  
 GOTONG ROYONG BERSAMA SAHABAT WADI  
 LAWATAN WADI KE PPDM  
 WEBINAR FILANTROPI SIRI-5 PENUTUP TIRAI 2021  
 JUAL BELI : ISU DAN CABARAN PADA MASA KINI

Foto: Nabil

### BICARA EDITOR

Kini e-Buletin El-Wazif telah sampai ke bilangan terakhir untuk tahun ini. Jika diizinkan Yang Maha Esa, team El-Wazif akan meneruskan lagi pada siri mendatang. Demikianlah seperti yang direncanakan.

Dikesempatan ini, saya ingin mengambil peluang mewakili seluruh warga kerja El-Wazif memohon maaf di atas apa jua kesilapan samaada secara teknikal atau prosedur sepanjang

tertubuhnya e-Buletin ini.

Saya juga mewakili El-Wazif ingin merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kepada para pembaca e-Buletin ini.

Semoga kita semua berada di dalam lindungan Allah yang Maha Esa. Marilah kita bersama perbanyakkan solawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.



# EL-WAZIF

*e-Buletin*

Bil 9 / Nov 2021

**UNIT WAKAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF)**  
**UITM CAWANGAN MELAKA**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2021

**Hakcipta Terpelihara.**

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai,  
disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik  
atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa  
mendapat kebenaran secara bertulis daripada  
pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN 2805-5780

**Diterbitkan oleh:**

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),  
UiTM Cawangan Melaka,  
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,  
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : [el-wazif@uitm.edu.my](mailto:el-wazif@uitm.edu.my)

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

Instagram: <https://www.instagram.com/elwazif.edu.my>

**eISSN 2805-5780**



9 7 7 2 8 0 5 5 7 8 0 0 8

## SIDANG REDAKSI E-BULETIN EL-WAZIF

### PENAUNG

YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini  
Rektor UiTM Cawangan Melaka

### PENASIHAT

Ustaz Abdul Hadi bin Mohd Saleh  
Pakar Rujuk Waqaf dan Zakat, El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

### PENGERUSI

Ustaz Muaz Hj Mohd Noor  
Koordinator Unit El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

### EDITOR

Mohd Nabil Zulhemay  
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

### PENOLONG EDITOR

Puan Shahreena Bt Daud  
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

### AHLI JAWATANKUASA:

#### PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL

Prof. Madya Dr. Rozman Bin Md Yusof  
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

Ustaz Ahmad Ammar Bin Rozaini

Penyelaras Seksyen Zakat, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

#### PEREKA BENTUK GRAFIK

Mohd Nabil Bin Zulhemay  
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Ustaz Muhammad Faidz Mohd Fadzil

Penyelaras Seksyen Infaq, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

## **ISU & KANDUNGAN BULANINI**

AKTIVITI EL-WAZIF.....	.....	
MAJLIS CERAMAH DAN PERLANCARAN KUTIPAN WADI OLEH PERSATUAN PELAJAR - BOSS	1	
WEBINAR FILANTROPI SIRI-5 PENUTUP TIRAI 2021	2	
 KEBUN WADI.....		
LAWATAN KERJA JAWATAN KUASA WADI KE PPDM	3	
TINJAUAN MANTAN REKTOR KE WADI SEMPENA LAWATAN NC	4	
GOTONG ROYONG WADI SELAMA 3 HARI BERJALAN LANCAR	5	
PERASMIAN WaDI OLEH NC UiTM	6	
 PENULISAN ILMIAH.....		
JUAL BELI : ISU DAN CABARAN PADA MASA KINI	7	
 PENULISAN KREATIF.....		
PERJUANGAN	8	
BERJASA	8	
 PENGUMUMAN.....		
KEWAJIPAN BERZAKAT	9	
UCAPAN TAHNIAH LANTIKAN REKTOR UiTM CAW. MELAKA	10	
JUMLAH AGIHAN ZAKAT 2021	11	
TATACARA MENGISI PENERBITAN EL-WAZIF DALAM PRISMA	12	
VIDEO RASMI PENGENALAN WaDI	12	
PERMOHONAN E-INSENTIF PELAJAR	13	
TABUNG INFaq QOWAY	14	
PROJEK WaDI	15	

# Aktiviti El-Wazif

## MAJLIS CERAMAH DAN PERLANCARAN KUTIPAN WADI OLEH PERSATUAN PELAJAR – BOSS

Telah berlangsung majlis Bacaan Yasin, Ceramah Santai Talk "Kenali Rasulullah SAW" dan taklimat raise fund projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Cawangan Melaka.

Program satu malam yang dianjurkan oleh kelab pelajar, Bachelor of Office Systems Society (BOSS) UiTM KBM dengan kerjasama unit EL-WAZIF ini telah disertai lebih 100 orang peserta melalui platform Webex.

Ceramah Santai Talk ini disampaikan oleh imam UiTM KJM, Ustaz Amirul Firdaus, sementara taklimat WaDI disampaikan oleh Ustaz Muaz Mohd Noor, Koordinator EL-WAZIF.

Tahniah diucapkan kepada staf dan pelajar kelab BOSS atas penganjuran aktiviti amal ini.

Untuk sertai kempen wakaf WaDI melalui BOSS, boleh salurkan sumbangan ikhlas anda ke akaun:  
Bank Islam UiTM Cawangan Melaka: 04024010017652  
(Reference/Tulis; Waqaf Dusun Ilmu).

Atau hubungi talian berikut untuk maklumat lanjut:  
Ketua Projek: 01126691430 (Syahirah)  
Penolong Ketua Projek: 01151160186 (Natrath)

The image consists of three screenshots from a Cisco Webex meeting interface. The top-left screenshot shows the meeting control bar with tabs like 'Meetings' (Moderated unmute mode), 'Meeting Info', 'Hide Menu Bar', 'View', 'Audio & Video', 'Participant', 'Meeting', 'Breakout Sessions', and 'Help'. Below this is a grid of participant video feeds. The central screenshot displays a slide titled 'KONSEP PROJEK WAQAF WADI' with text about the project's integration with local elements and its recreational value. The bottom screenshot shows a larger grid of participant video feeds, with names like Adriana, AIN, aina najwa, ALIA KHAIRUNNISA BINTI SUH., Alia Natarya, Ameira Natasya, and Amirah Atikah visible.

## WEBINAR FILANTROPI SIRI-5 PENUTUP TIRAI 2021

Telah berlangsung Webinar Filantropi 2021, Siri ke-5 dengan tajuk "Peranan Waqaf al-Muaqqat Dalam Menangani Pandemik Covid-19: Cabaran dan Potensi", anjuran unit EL-WAZIF dengan kerjasama CIPSF sebentar tadi.

Terima kasih diucapkan kepada moderator, Ustaz Muaz Hj Mohd Noor dan barisan ahli panel berwibawa kita, SS Datuk Dr Luqman Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan dan Prof. Madya Dr Ahmad Che Yaacob, Pengarah Waqaf UTM.

Terima kasih juga diucapkan kepada Ybhg Rektor UiTM Melaka, Prof. Madya Ts. Dr Rasdi Zaini, serta ahli jawatankuasa teknikal, pihak pengajar dan semua peserta dan penonton webinar kita pada hari ini.

Insya-Allah, kita jumpa dalam siri webinar yang akan datang. Sekiranya tuan puhan terlepas siaran langsung tadi, boleh tonton rakaman pada pautan berikut:  
<https://www.youtube.com/watch?v=Nhi8Pf5LqFE>



# Kebun Wadi



## LAWATAN KERJA JAWATAN KUASA WADI KE PPDM

7 NOVEMBER 2021: Telah berlangsung lawatan kerja Jawatankuasa Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan Sahabat Wadi ke ladang tanaman Pok Pin Durian Muadzam (PPDM), di Muadzam Shah, Pahang.

Lawatan kerja yang diketuai oleh Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Melaka serta beberapa orang JK WaDI termasuk tukang kebun WaDI semalam adalah bertujuan menambah pengetahuan tentang teknik pertanian berkesan.

Taklimat ini telah disampaikan oleh pengusaha ladang durian PPDM, yang lebih dikenali dengan gelaran Pok Pin.

Antara objektif lawatan ini ialah:

1. Mendedahkan pengurusan dan pekebun WaDI tentang teknik penjagaan kebun durian dengan rapi dan sistematik.
2. Menambah pengetahuan tentang perundingan tanaman seperti pengairan, pembajaan dan pengawalan penyakit.
3. Menjalankan usaha sama dengan pelbagai syarikat persendirian dan agensi kerajaan berdasarkan pertanian dalam rangka memperkenalkan jenama WaDI.

Taklimat dan lawatan setengah hari ini berakhir pada jam 1 petang. Lagi gambar di [Facebook El-Wazif](#)

# TINJAUAN MANTAN REKTOR KE WADI SEMPENA LAWATAN NC

16 NOVEMBER 2021: Telah berlangsung satu sesi tinjauan dan perbincangan oleh Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor bersama jawatankuasa WaDI di tapak WaDI sempena kunjungan Naib Censelor UiTM ke WaDI pada penghujung bulan November ini.

Turut bersama dalam perbincangan ini ialah timbalan bendahari kanan UiTM Melaka, en. Zulkepli Hasan, pengarah PPF, en. Saini Awang, Koordinator El-Wazif, ust. Muaz Mohd Noor dan jawatankuasa teknikal WaDI.



# GOTONG ROYONG WADI SELAMA 3 HARI BERJALAN LANCAR

Gotong-royong di Kebun WaDI oleh Sahabat WaDI dibantu oleh 6 orang pelajar kolej Tuah dan kolej Tun Senaja hari ini, sempena lawatan Naib Cancelor UiTM pada minggu hadapan.

Antara aktiviti hari ini adalah membuka sangkar, merumput dan menggembur tanah tanaman. Gotong-royong akan disambung esok dan lusa oleh kumpulan pelajar yang lain.

Terima kasih diucapkan kepada Staf Residen Kolej dan pelajar-pelajar kolej Tuah dan Senaja yang memanfaatkan minggu cuti pertengahan semester untuk kerja amal dan kebajikan.



# PERASMIAN WaDI OLEH NC UTM



Warna-warni di majlis Perasmian dan penanaman anak pokok durian oleh Naib Canselor UiTM, Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Janor di Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), semalam.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Prof NC atas kesudian hadir merasmikan projek wakaf UiTM Melaka, WaDI.

Terima kasih juga kepada rektor UiTM Melaka, Prof. Madya Ts Dr Rasdi Zaini, mantan rektor UiTMC, Prof. Dr Abd Halim Mohd Noor, Koordinator El-Wazif, ustaz Muaz Mohd Noor, Dr Faizal P.Rameli, ketua pengurus projek WaDI, Sahabat-Sahabat WaDI serta semua pihak yang menjayakan majlis ini, baik secara langsung atau pun tidak langsung.

Semoga WaDI terus gemilang dan dapat menjadi aspirasi kepada kerja waqaf di setiap organisasi.



# Penulisan Ilmiah

## JUAL BELI : ISU DAN CABARAN PADA MASA KINI

Marcapada, perniagaan dalam talian amat popular dan digemari oleh masyarakat pada masa kini. Kaedah perniagaan ini mudah dimulakan dan dijalankan dengan modal yang rendah. Jika dikaji berpandukan Kamus Dewan (2005) yang mentafsirkan perkataan ‘perniagaan’ membawa maksud perdagangan. Manakala, perkataan ‘talian’ pula diertikan sebagai aliran, laluan atau sambungan. Oleh itu perniagaan dalam talian secara umumnya membawa maksud perniagaan yang dilakukan secara atas talian yang mana ianya menggunakan internet sebagai medium perantaraan antara penjual dengan pembeli.

Tambahan pula, teknologi pada masa kini juga giat berkembang serentak dengan perkembangan platform berdasarkan internet. Hal ini bagi memudahkan perhubungan dan pembelian antara pihak yang berakad. Sebagai contoh, platform yang popular dan digunakan di Malaysia termasuklah Facebook, Instagram, Telegram, Twitter dan WhatsApp. Namun, revolusi teknologi dalam bidang kewangan dan ekonomi khususnya jual beli dalam talian turut memberi impak yang besar terhadap sarjana-sarjana Islam untuk memastikan penggunaan jual beli dalam talian bertepatan dengan konsep muamalat Islam dan ahli undang-undang untuk memastikan sama ada pengguna mahupun pelanggan dilindungi oleh undang-undang. Ini merupakan cabaran baharu bagi para sarjana Islam kerana jual beli dalam talian adalah perkara baharu dan tiada dalam manama kitab khusus. Di samping itu, pelbagai isu dan permasalahan yang timbul dalam transaksi jual beli dalam talian seperti penipuan, keselamatan, pelindungan data, kegagalan serah terima barang, kegagalan pembayaran dan lain-lain isu. Berkenaan serah terima barang, bukan sahaja menjadi isu kepada pengguna, malah penjual itu sendiri.

Tuntasnya, penyelesaian berkenaan jaminan di dalam transaksi jual beli dalam talian berlandaskan syariah adalah bertepatan dengan perlengkapan negara Malaysia yang meletakkan agama Islam sebagai agama persekutuan. Hal ini kerana, Malaysia merupakan negara yang berbilang kaum di mana majoriti rakyatnya adalah bangsa Melayu yang beragama Islam. Justeru, setiap aspek kehidupan sama ada ekonomi, sosial, politik dan sebagainya mestilah meletakkan asas syariah dalam menjadikan sesuatu yang dilakukan dalam kehidupan yang bergelar Islam itu menepati prinsip maqasid yang telah digariskan oleh syariat Islam.



Penulis: Tijan Binti Abdul Rahim  
Pelajar Sarjana Penyelidikan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Shah Alam  
tijanbintiabdulrahim@gmail.com

# Penulisan Kreatif

## PERJUANGAN

Menyisih sangka datang  
memacu hasrat berjuang  
di atas bara keckalan  
melebur hasutan nafsu  
musuh sedia menunggu

Hidup medan perjuangan  
Jika ketentuan usah bimbang  
menyusun fikir jadi seimbang

Sinar gemilang memancar  
sepakat menggalas tulang  
ikhtiar meraih peluang  
Kasih-Nya Maha Penyayang

## BERJASA

Hidup bergelora  
diamuk ombak  
dipalu badai  
dipulas segara

Andai bijaksana  
kemudi bahtera iman  
melabuh sauh taqwa  
jelma bahagia di dermaga

Merayu jiwa bersabar  
akur ujian-Nya silih bertukar  
santun tingkah waras minda  
tiada budi dijaja  
bukan minta dipuja  
sedia hidup berjasa

Nukilan:  
Noor Izam Samin, PTAR, UiTM  
Caw. Melaka, Kampus Jasin

# Pengumuman

## JOM TUNAIKAN KEWAJIPAN BERZAKAT

Semua staf UiTM Cawangan Melaka (UiTMC) dialu-alukan untuk berzakat bersama UiTM.

Zakat yang dipotong ke UiTM Shah Alam ini akan dipulangkan semula ke kampus cawangan (UiTMC), seterusnya akan masuk ke poket pelajar-pelajar kita yang memerlukan.

Ayuh, bantulah anak didik kita di UiTMC dengan berzakat bersama UiTM. Semakin ramai staf UiTMC berzakat dengan UiTM, semakin ramai pelajar2 kita terima manfaat. Hubungi talian berikut untuk maklumat lanjut.

**Bulan Zakat, Sedekah & Wakaf Di Hattku**

**Jom Tunaikan Kewajipan Zakat**

**Tutup Akhir Tahun dengan Keberkatan**

**Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF)**  
Aras Bawah, Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450, Shah Alam, Selangor

019 - 231 3391 | 019 - 231 3392

BAHAGIAN ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF (ZAWAF) | UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


JOM REBUT PELUANG ZAKAT AKHIR TAHUN 2021  
 JOM BERZAKAT DI BAHAGIAN ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF  
 UITM. TUNAIKAN KEWAJIPAN BERZAKAT SEBELUM AKHIR  
 TAHUN. JANGAN TUNGGU SEHINGGA SAAT AKHIR.

**Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada  
YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini  
di atas perlantikan beliau sebagai  
Rektor UiTM Caw. Melaka yang ke-11**

**Ikhlas dari warga El-Wazif, UiTM Caw. Melaka**



# JUMLAH AGIHAN ZAKAT BERKAHIR NOVEMBER 2021 DISELURUH UiTM



Jumlah agihan zakat (Januari - Oktober 2021) di seluruh UiTM berjumlah RM 4,685,352.38.

Terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat yang telah melaksanakan kewajipan anda bersama zakat UiTM.

Makin ramai staf UiTM Melaka yang memotong zakat melalui zakat UiTM, lebih ramai pelajar-pelajar UiTM Melaka yang kurang berkemampuan menikmati manfaat.

Ayuh, berzakatlah bersama UiTM.

## TATACARA MENGISI PENERBITAN EL-WAZIF KE DALAM PRISMA

**LANGKAH MENGISI KARYA E-BULETIN EL-WAZIF DALAM PRISMA UiTM**

1. Layari dan log-in masuk web **PRISMA**  
<https://prisma.uitm.edu.my/>

2. Pada ruangan "Publication Type", sila pilih menu: "**OTHER PUBLICATION**".

3. Setalah anda mengisi tajuk karya anda, sila pilih menu: "**NEWSLETTER**" untuk pilihan jenis penerbitan.

4. Isikan segala maklumat yg dikehendaki, seperti no. eISSN dan lain - lain, kemudian tekan butang "**SUBMIT**".

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF) **UITM CAWANGAN MELAKA**

Jika anda kakitangan UiTM dan pernah menghantar bahan bacaan ke dalam e-Buletin El-Wazif dan berjaya diterbitkan, sila ikut tatacara yang diberikan untuk mengisi butiran penerbitan ke dalam PRISMA.


Terima kasih kerana menyokong e-Buletin El-Wazif dengan menghantar karya penulisan anda.

InshaaAllah kita berjumpa lagi di musim hadapan dengan hasil karya yang lebih mantap dan memberi impak kepada pembaca yang lain.

Jangan biarkan idea anda terbuku di dalam hati. Manifestasikan ia dalam bentuk penulisan. Semoga segala usaha dan amalan kita selama ini diterima oleh Allah. S.A.W.

## VIDEO RASMI PENGENALAN WADI DIKELUARKAN

Tak kenal maka tak cinta. Justeru, satu video pengenalan kepada WaDI telah dibangunkan bertujuan menyampaikan maklumat kepada orang ramai tentang WaDI secara umum. Anda boleh menonton video ini di <https://www.youtube.com/watch?v=Y7JrY2Bxz-I>



## PERMOHONAN E-INSENTIF PELAJAR NR




**PEMOHONAN E-INSENTIF**  
**(bantuan elauan makan) untuk**  
**pelajar Non Residen**

.....  
**syarat-syarat**  
 1) Pelajar Diploma sepenuh masa  
 2) Telah mendaftar sebagai pelajar NR dalam portal pelajar  
 3) Mempunyai pendapatan ibubapa/penjaga bawah RM 2,500.00  
 3) Tidak mendapat mana-mana bantuan pinjaman atau biasiswa (seperti PTPTN)  
 4) Sedang menduduki rumah sewa disekitar UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah




**JADUAL 'CUT OFF DATE' BAYARAN e-insentif**  
**JADUAL 'CUT OFF DATE' PEMBAYARAN BANTUAN ELAUN MAKAN PELAJAR IJAZAH AP 243, AC 150 DAN DIPLOMA**  
**SELURUH SISTEM UiTM BAGI SESI OKTOBER 2021 - FEBRUARI**

BIL	BULAN	CUT OFF DATE*	TARIKH BAYARAN	JUMLAH HARI	JUMLAH PEMBAYARAN (RM)
1.	NOVEMBER	22 NOVEMBER 2021	30 NOVEMBER 2021	30 HARI	RM 120.00
2.	DISEMBER	14 DISEMBER 2021	24 DISEMBER 2021	30 HARI	RM 120.00
3.	JANUARI	13 JANUARI 2022	21 JANUARI 2022	30 HARI	RM 120.00
4.	FEBRUARI	4 FEBRUARI 2022	11 FEBRUARI 2022	30 HARI	RM 120.00

Nota : i. Tarikh bayaran adalah tertakluk kepada kelulusan Pejabat Bendahari (Bhg. Pengurusan Kewangan Pelajar)

ii. Tempoh dan jumlah pembayaran adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Pembangunan (JKP) ke - 167 bertarikh 6 April 2010 iaitu pemberian elauan makan kepada pelajar yang layak adalah berdasarkan kepada tempoh pengajian empat (4) bulan per semester dan dibayar empat kali dalam setiap semester bagi memudahkan operasi.




www.uitm.edu.my

**PROF DR. MOHD SAZLI SHAHIBI**  
**Timbahan Nabi Cawangan (Badan Head Pelajar)**  
**Faculty Vice-Chancellor (Student Affairs)**

Ruj. Kani : 100-HEP/UKK/19/8/3  
 Tarikh : 22 Oktober 2021

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN DALAM TALIAN BANTUAN ELAUN MAKAN e-insentif PELAJAR DIPLOMA, AC 150 DAN AP/243 BAGI SESI OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022**

Perkara di atas dengan hormatnya ditujuk.

Dimaklumkan bahawa permohonan dalam talian bagi bantuan elauan makan pelajar Diploma, AC 150 dan AP/243 bagi sesi Oktober 2021 dan ditutup pada 10 November 2021. Sehubungan itu, semua pelajar baru dan lama yang belum membuat borang permohonan secara on-line. Sila kiat arahan permohonan on-line berikut:

```

    KLK www.uitm.edu.my
    ↓
    MASUK KE STUDENT PORTAL (Log-in id pelajar)
    ↓
    KLK SISTEM eHP
    ↓
    LOGIN SEMULA SEPERTI STUDENT PORTAL
    ↓
    PILIH BORANG PERMOHONAN ELAUN MAKAN (e-insentif)
    ↓
    ISKAN BORANG DAN KLK HANTAR
  
```

Pelajar boleh menyemak status permohonan (BERJAYA / GAGAL) dengan melayari student portal mulai 12 November 2021.

Sekian, terima kasih

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERBORAHOMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar

**PROF DR. MOHD SAZLI SHAHIBI**  
**Timbahan Nabi Cawangan (HEP)**

I. Pembantu Timbalan Nabi Cawangan, HEP  
 II. Pembantu Timbalan Nabi Cawangan, HEP  
 Ketua Unit Kemudahan Kelajuan  
 Pengurus Amanah dan Persekitaran Universiti

Universiti Teknologi MARA  
 Area 4,康乐街,47100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
 Tel: (603) 5144 2002/2244 Fax: (603) 5144 0512  
 E-mail: amnd@uitm.edu.my





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka  
Kampus Bandaraya Melaka

# TABUNG INFAQ COWAY

Rasulullah SAW bersabda:  
"Sedekah itu tidak akan  
mengurangi harta."  
(Riwayat Muslim)



[https://uitmpay.uitm.edu.my/  
giving/products/AAM2/02/489](https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAM2/02/489)

RESIT RASMI UNTUK TUJUAN TUNTUTAN POTONGAN CUKAI AKAN  
DIHANTAR SECARA AUTOMATIK SELEPAS SUMBANGAN DIBUAT



**SUMBANGAN WAKAF  
DUSUN ILMU  
JUMLAH TERKUMPUL  
SEHINGGA NOV 2021**

**KUTIPAN RM80,958.38  
PERBELANJAAN  
RM33,363.88  
SASARAN RM150,000.00**

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun BANK ISLAM  
UiTM Cawangan Melaka 04024010017652  
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').

Sebarang cadangan atau bahan untuk dimuatkan ke dalam e-buletin EL-WAZIF sila hubungi:

**Editor:** Mohd Nabil Zulhemay

nabilz@uitm.edu.my

Like & Share **Facebook EL-WAZIF UiTM Cawangan Melaka**

Pejabat Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),

UiTM Cawangan Melaka,

Kampus Alor Gajah,

78000 Alor Gajah, Melaka.

el-wazif@uitm.edu.my

# Like & Follow

## Media Sosial EL-WAZIF

Ikuti perkembangan terkini program dan aktiviti wakaf, zakat dan infaq (sedekah) di UiTM Melaka melalui saluran Facebook (FB) dan Instagram (IG) rasmi Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka.

### Pengiklanan (Media Sosial)



Facebook EL-WAZIF UiTMCM



Instagram elwazif.edu.my

